



JABATAN MUFTI NEGERI PAHANG (08/2025)



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

OGOS 2025



GEJALA BERHUTANG SECARA MELAMPAUI BATAS 15 OGOS 2025 | 21 SAFAR 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَىٰ الدِّينِ كُلِّهِ
وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ،

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita peroleh keampunan di dunia dan akhirat.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Berhutang sudah menjadi amalan yang sebatu dalam sebahagian anggota masyarakat pada hari ini. Ramai orang berhutang atau meminjam wang daripada bank untuk tujuan pendidikan, membeli rumah kediaman, kenderaan, barangan keperluan, perubatan dan lain-lain. Pada asasnya, amalan berhutang dibenarkan oleh Islam lebih-lebih lagi jika ada keperluan mendesak. Imam al-Nawawi dalam *Kitab al-Majmu'* mentakrifkan hutang sebagai mengambil manfaat atau barangan dengan janji membayarnya kemudian sama ada melalui jual beli bertanggung, pinjaman (*qard*) atau sebab-sebab lain yang diiktiraf oleh syarak.

Walau bagaimanapun, Islam memberi amaran keras kepada sesiapa yang mengambil ringan urusan hutang, apatah lagi berhutang secara berlebihan sehingga melampaui keperluan, bermewah-mewahan atau mempunyai niat enggan membayar kembali hutangnya. Allah Azza wa Jalla berfirman dalam Surah al-Baqarah ayat 282:



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ وَلْيَكْتُبَ

بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ وَلَا يَأْبَ كَاتِبٌ أَنْ يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ اللَّهُ ...

Yang bermaksud: *“Wahai orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis antara kamu menulisnya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya...”*

Ayat ini menunjukkan betapa tegasnya Islam dalam urusan hutang-piutang. Ia perlu dicatat, direkod dan disaksikan. Ini bagi mengelakkan daripada berlakunya penipuan, kezaliman dan ketidakadilan antara orang yang berhutang dengan pemiutang. Dalam hal ini Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari yang bermaksud: *“Sesiapa yang mengambil harta manusia (berhutang)*



dengan niat untuk membayarnya semula, maka Allah akan menunaikan untuknya. Sesiapa yang mengambil harta manusia (berhutang) dengan niat untuk menghabiskannya tanpa membayar balik, maka Allah akan membinasakan dirinya.”

Haram hukumnya seseorang yang berhutang sengaja menangguh-nangguhkan bayaran hutangnya yang sampai masa dibayar walhal dia mampu. Perkara ini dijelaskan melalui sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim:

مَطْلُ الْغَنِيِّ ظُلْمٌ

Yang bermaksud: *“Menangguh pembayaran hutang (bagi orang yang mampu) adalah suatu kezaliman.”*

Hadis ini menggunakan perkataan kezaliman. Ini menunjukkan bahawa penangguhan membayar hutang secara sengaja walaupun mampu adalah berdosa. Islam sangat menekankan amanah dan tanggungjawab dalam membayar hutang, bahkan waris juga wajib melangsaikan hutang bagi orang yang meninggal dunia sebelum menguruskan harta pusaka.



Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi:

نَفْسُ الْمُؤْمِنِ مُعَلَّقَةٌ بِدَيْنِهِ، حَتَّى يُقْضَى عَنْهُ

Yang bermaksud: *“Roh orang yang beriman itu tergantung (ditangguhkan hisab amalannya) disebabkan hutang, sehingga dibayarkan untuknya hutang tersebut.”*

Imam al-Syaukani Rahimahullah dalam kitabnya *Nail al-Autar* berkata bahawa hadis ini menunjukkan galakan dan gesaan kepada waris untuk menunaikan hutang si mati jika si mati tidak mempunyai harta. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, dikisahkan bahawa pada suatu hari telah dibawa satu jenazah kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk disolatkan. Baginda terus bertanya: *“Adakah dia meninggalkan hutang?”* Sahabat menjawab: *“Ya, ada, sebanyak tiga dinar.”* Baginda bersabda: *“Kamu semua solatlah untuk jenazah ini.”* Lalu Abu Qatadah berkata: *“Wahai Rasulullah, imamkanlah solat ke atas jenazah ini, saya akan bayar hutangnya.”* Maka, Baginda kembali tampil ke depan dan mengimamkan solat jenazah tersebut.



Hadis ini menunjukkan bahawa baginda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam amat menitik beratkan membayar hutang.

Kaum Muslimin yang Dirahmati Allah Azza wa Jalla,

Menurut data di Jabatan Insolvensi Malaysia, saban tahun ribuan rakyat Malaysia diisytiharkan muflis. Puncanya adalah kerana kegagalan membayar hutang terutamanya pinjaman peribadi, pinjaman kenderaan, pinjaman perniagaan dan penggunaan kad kredit yang tidak terkawal. Lebih 49% daripadanya terdiri daripada golongan muda. Ia datang daripada sikap buruk mereka ini yang berhutang secara berlebihan sehingga melampaui kemampuan. Ada yang sewenang-wenangnya menggunakan kad kredit untuk berjoli ke sana sini dan membeli pelbagai barangan mahal untuk tujuan bermegah-megah dengan gaya hidup seperti orang kaya. Akhirnya mereka terjerat dalam perangkap hutang dengan kadar faedah yang tinggi.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Azza Wajalla.

Sebagai penutup khutbah, khatib ingin berpesan agar kita sama-sama menghindarkan diri daripada berhutang tanpa ada keperluan yang mendesak. Jauhi amalan berhutang yang dilarang dalam



Islam seperti berhutang dengan Ah Long atau institusi pemberi pinjam berteraskan riba, berhutang untuk kegunaan maksiat seperti untuk berjudi atau membeli arak, berhutang untuk berfoya-foya dan juga berhutang membeli barangan mewah untuk tujuan bermegah-megah. Jika terpaksa berhutang kerana keperluan yang mendesak, ambillah dalam jumlah yang berpatutan dan bayarlah hutang tersebut sebaik sahaja mampu serta janganlah berlengah-lengah. Jangan sesekali kita mengambil ringan amanah hutang kerana ia bukan sekadar urusan dunia, tetapi juga urusan akhirat. Catatlah hutang kita dan tinggalkan wasiat jika berhutang, agar waris mengetahui tanggungan hutang kita.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾



بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ
آيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.